

JAKMAS Kingfisher anjur Cleaning Day

UB 23/01/20 15

KOTA KINABALU: JAKMAS Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher, Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini menganjurkan program Kingfisher Cleaning Day.

Program ini dianjurkan bertujuan memastikan kebersihan dan keceriaan di kawasan persekitaran Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher dan setempat.

Menurut Pengarah Program Rizvi Ahmed Khan, program ini juga dianjurkan

khususnya bagi merapatkan hubungan bukan sahaja di kalangan warga Kolej Kediaman itu sendiri tetapi juga dengan masyarakat setempat.

Ia juga jelas menunjukkan sumbangan pelajar Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher kepada masyarakat setempat melalui program seperti ini.

Di antara pengisian lain sepanjang program ini berjalan antaranya termasuklah senamrobik dan aktiviti

rekreasi di samping aktiviti mengutip sampah.

Program ini juga turut dihadiri oleh Pengetua Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher UMS Wijaya Kamal Ramlan dan barisan pengurusan serta pelajar Kolej Kediaman dan masyarakat setempat.

PESERTA: Sesi bergambar peserta Program Kingfisher Cleaning Day Anjuran JAKMAS KKAKF UMS.

